



PENDAHULUAN



Laporan Cadangan Pelan Induk Landskap Majlis Perbandaran Kajang ini merupakan hasil penemuan kajian yang dijalankan secara berperingkat dan menyeluruh. Ianya mengandungi maklumat terhadap latar belakang kajian, inventori dan analisis, sintesis, pelan induk landskap, dasar pembangunan landskap, garis panduan landskap, pelantindakan pembangunan landskap, pengurusan landskap dan strategi pelaksanaan landskap. Laporan ini bertujuan memberi panduan di dalam program pembangunan landskap kepada pihak yang terlibat di dalam perancangan dan pembangunan kawasan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) khasnya serta kepada pihak awam amnya.

Bertitik tolak dari isitiada karakter yang jelas dan kurang kawasan lapang dan rekreasi bagi Hulu Langat, serta aspirasi Dasar Landskap Negara dalam mewujudkan Malaysia Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020, maka tercetuslah keperluan mengadakan kajian Pelan Induk Landskap bagi kawasan MPKj ini. Matlamat akhir kajian ini dijalankan adalah untuk menyediakan Pelan Induk Landskap yang dapat digunapakai oleh MPKj.

Analisis tapak membuktikan bahawa kawasan ini sememangnya kaya dengan sumber setempat yang unik. Beberapa aspek seperti sumber landskap setempat, alam sekitar, kemudahan rekreasi dan pelancongan, landskap bandar, pencahayaan, taburan kawasan petempatan dan sosio budaya serta pengurusan dan peyelenggaraan telah diberi perhatian dan penekanan dari segi peranan dan kualiti aspek-aspek tersebut bagi keseluruhan kawasan MPKj. Pelan Induk Landskap ini juga telah mengenalpasti potensi dan halangan sumber asli dan tempatan untuk diadaptasikan ke dalam konsep dan rekabentuk yang lebih teratur dan kemas.

Landskap direkabentuk dengan mengambilkira faktor keseimbangan di antara alam semulajadi yang bercirikan tropika dengan pembangunan bagi membentuk persekitaran kehidupan yang berkualiti (Quality Living Environment).

Pelan Induk Landskap ini berperanan sebagai panduan bagi setiap zon pembangunan landskap agar memastikan setiap bentuk pembangunan yang akan dilakukan tidak terkeluar dari landasan yang telah dikenalpasti. Dengan maksud lain adalah diharapkan Pelan Induk Landskap ini dapat digunapakai dan diadaptasikan dengan sebaik mungkin bagi memastikan program pembangunan yang bersepadu dan menyeluruh dapat dilaksanakan. Pelan induk Landskap ini memerlukan penguatkuasaan yang konsisten dari pihak berwajib. Ianya juga mungkin tidak dapat direalisasikan tanpa adanya kerjasama, integrasi dan komitmen dari semua pihak samada terlibat secara langsung mahupun tidak seperti pihak kerajaan negeri dan pusat, badan-badan berkanun, badan bukan kerajaan dan pihak awam.

Sebahagian dari Laporan Akhir cadangan Pelan Induk Landskap MPKj ini adalah merupakan rumusan kepada kajian dan laporan awal yang telah disediakan. Kajian ini telah menyediakan laporan inventori dan analisis yang meliputi hasil penemuan kajian inventori terperinci bagi kawasan kajian mengikut sektor-sektor tertentu dengan menggunakan kaedah kajian karakter landskap (*Landscape Character Assessment*). Ringkasan kepada kajian tersebut terdapat pada Bab 3 laporan ini.

Sesungguhnya penyediaan Pelan Induk Landskap ini melibatkan komitmen yang tinggi serta kerjasama yang bersepadu demi menjayakan matlamat utama kajian. Sekalung penghargaan yang tidak terhingga diucapkan kepada pihak Jabatan Landskap Negara dan Majlis Perbandaran Kajang kerana memberi peluang kepada pihak perunding untuk bekerjasama. Terima kasih juga dihulurkan kepada agensi kerajaan serta badan berkanun yang lain di atas segala maklumat dan kerjasama.



Pelan Induk Landskap berperanan sebagai panduan kepada pembangunan kawasan Majlis Perbandaran Kajang.